

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 24 MEI 2023
AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 17

Dulu RM15b kini hanya RM10.9b

KOS PROJEK RANCANGAN TEBATAN BANJIR

Dulu RM15b kini hanya **RM10.9b**

Oleh Fahmy A Rosli
fahmy.azril@bh.com .my

Kuala Lumpur

Kerajaan berjaya mengurangkan kos keseluruhan projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) sebanyak RM15 bilion kepada RM10.9 bilion.

Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Nik Nazmi Nik Ahmad, berkata pendekatan yang digunakan kerajaan sekarang lebih baik dan telus berbanding apa dilakukan kerajaan terdahulu iaitu menerusi pemberian tender secara terbuka.



Dengan tiada lagi pemberian tender secara rundingan terus, kerajaan dapat mengawal kos dan langkah itu juga dapat menjamin setiap projek dapat dilaksanakan sebaik mungkin demi kepentingan rakyat"

Nik Nazmi



NIK Nazmi (tengah) pada program Persidangan Hidrogen Hijau Asean, semalam.

Katanya, dengan tiada lagi pemberian tender secara rundingan terus, beliau berkata kerajaan dapat mengawal kos dan langkah itu juga dapat menjamin setiap projek dapat dilaksanakan sebaik mungkin demi kepentingan rakyat.

"Proses terbaharu ini, cara baharu, dipercepatkan macam pra kelayakan...tender yang kita buat. Kita nak cepatkan. Kalau nak buat sama ada reka dan bina atau tender terbuka konvensional, ia

akan makan masa yang sangat lama.

"Pihak pembangkang juga tanya bila nak mula projek RTB. Jadi kita pun tahu projek itu sangat penting kepada rakyat. Justeru, kita nak cepatkan.

"Bezanya kali ini, kita buka lebih banyak syarikat untuk turut serta dan hasilnya kita mempunyai anggaran daripada pengurusan nilai kira-kira RM10.9 bilion berbanding RM15 bilion dahulu.

"Tetapi kita akan lihat bila kita lancarkan semua projek itu. Jumlah akhir iaitu anggaran awal yang kita ada tetapi di peringkat kerajaan, tidak ada lagi rundingan terus untuk membolehkan kos dikawal serta kita nak memastikan projek ini dapat dilaksanakan kepada rakyat sebaik mungkin" katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas melancarkan Persidangan Hidrogen Hijau Asean di sini, semalam.

Surat, berupa maklumat sulit kerajaan dan fitnah berkaitan projek RTB berkepala surat Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim yang bocor baru-baru ini, antaranya menyatakan kos keseluruhan projek terbabit sebanyak RM10.9 bilion.

Melalui Bajet 2023, kerajaan memperuntukkan RM15 bilion bagi RTB sehingga 2030 sebagai strategi jangka panjang dalam usaha beradaptasi dengan peruba-

han iklim di seluruh negara.

Peruntukan itu dibentangkan Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz ketika menjadi Menteri Kewangan pada zaman pentadbiran terdahulu.

Sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sudah mengarahkan beberapa kelulusan projek tebatan banjir bernilai RM7 bilion daripada keseluruhan RM15 bilion projek pengurusan banjir tidak diteruskan.

Menurut Perdana Menteri, ia membabitkan kelulusan secara rundingan terus yang diluluskan sebelum ini.

Mengulas lanjut, Nik Nazmi berkata pembaharuan kaedah pemberian tender berkenaan susulan pengumuman awal oleh Perdana Menteri.

Selain itu, pihaknya ada menerima maklum balas mengenai keperluan projek tebatan banjir di beberapa kawasan.

"Jadi ada diambil kira tetapi yang penting kalau dulu projek-projek ini walaupun ada beberapa cara perolehan yang dibenarkan Kementerian Kewangan, tetapi pilihan yang dibuat (kerajaan) dahulu ialah semuanya rundingan terus...hanya satu syarikat diberikan (tender),"

katanya.